

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
Kempen “Pengecualian Yuran Tahunan Kad Kredit CIMB e”

1. Kempen “Pengecualian Yuran Tahunan Kad Kredit CIMB e” (“**Kempen**”) dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad [No Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] (“**CIMB Bank**”).

Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan bermula dari 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2028, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Kempen**”). Tempoh Kempen selanjutnya dibahagikan kepada tiga (3) Tahun Kempen (“**Tahun Kempen**”) seperti berikut:-

Jadual 1.0 – Definisi Tahun Kempen	
Tahun Kempen	Tempoh
2026	1 Januari 2026 – 31 Disember 2026
2027	1 Januari 2027 – 31 Disember 2027
2028	1 Januari 2028 – 31 Disember 2028

3. CIMB Bank berhak memberikan notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada semua Pelanggan Baharu-Kepada-Kad dan Pelanggan Sedia-ada-Kepada-Kad yang memegang Kad Kredit CIMB e Utama yang sah (secara kolektif dirujuk sebagai “**Peserta Yang Layak**”). Kad Kredit CIMB e Utama untuk Peserta Yang Layak adalah secara kolektif dirujuk sebagai “**Kad Kredit Yang Layak**”.
5. “Baharu-kepada-Kad” (“**Pelanggan Baharu-kepada-Kad**”) ditakrifkan sebagai Peserta Yang Layak yang tidak pernah memegang sebarang Kad Kredit Yang Layak yang sah sebelum permulaan Tempoh Kempen, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.0 di bawah. Untuk melayakkan diri sebagai Pelanggan Baharu-kepada-Kad, Peserta Yang Layak mesti menghantar permohonan kad kredit bagi Kad Kredit Yang Layak dalam Tahun Kempen yang berkenaan (“**Tempoh Permohonan Kad**”) dan permohonan tersebut mesti berjaya diluluskan oleh CIMB Bank sebelum tarikh akhir (“**Hari Terakhir Kelulusan Kad**”) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.0 di bawah.

Jadual 2.0 - Keperluan Baharu-kepada-Kad		
Tahun Kempen	Tempoh Permohonan Kad	Hari Terakhir Kelulusan Kad
2026	1 Januari 2026 – 31 Disember 2026	7 Januari 2027
2027	1 Januari 2027 – 31 Disember 2027	7 Januari 2028
2028	1 Januari 2028 – 31 Disember 2028	7 Januari 2029

6. “Sedia-ada-kepada-Kad” (“**Pelanggan Sedia-ada-kepada-Kad**”) ditakrifkan sebagai Peserta Yang Layak yang memegang Kad Kredit Yang Layak yang sah pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen dan Kad Kredit Yang Layak tersebut telah diluluskan sebelum permulaan Tempoh Kempen seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.0.

7. Tiada pendaftaran diperlukan untuk menyertai Kempen ini.

Syarat-syarat dan Mekanik Kempen

8. Peserta Yang Layak berhak menerima pengecualian Yuran Tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Lapan Puluh (RM80) setelah memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di bawah ("**Pengecualian Yuran Tahunan**"):-

Pelanggan Baharu-kepada-Kad

Tahun Kempen	Baharu-kepada-Kad
2026 - 2028	Tahun Pertama - Dikecualikan tanpa syarat perbelanjaan. Tahun-tahun Berikutnya – Dikecualikan setelah memenuhi syarat " Jumlah Perbelanjaan Tahunan " (seperti yang ditakrifkan dalam klausa 9) sebanyak RM6,000.

Nota:

- 1) Tahun Pertama merujuk kepada tempoh 12-bulan bermula dari Tarikh Kelulusan Kad sehingga Tarikh Ulang Tahun pertama Kad.
- 2) Tahun Berikutnya merujuk kepada tempoh 12-bulan bermula dari ulang tahun Tarikh Kelulusan Kad sehingga ulang tahun berikutnya.
- 3) Jika Tarikh Yuran Tahunan bagi Tahun-Tahun Berikutnya tidak jatuh dalam Tempoh Kempen, Pelanggan Baharu-kepada-Kad tidak akan menikmati Kempen Pengecualian Yuran Tahunan bagi Tahun Berikutnya yang berkaitan.

Pelanggan Sedia-ada-kepada-Kad

Tahun Kempen	Sedia-ada-kepada-Kad
2026	Dikecualikan tanpa syarat perbelanjaan.
2027	Dikecualikan setelah memenuhi syarat " Jumlah Perbelanjaan Tahunan " (seperti yang ditakrifkan dalam klausa 9) sebanyak RM6,000.
2028	Dikecualikan setelah memenuhi syarat " Jumlah Perbelanjaan Tahunan " (seperti yang ditakrifkan dalam klausa 9) sebanyak RM6,000.

9. "**Jumlah Perbelanjaan Tahunan**" merujuk kepada jumlah keseluruhan "Transaksi Layak" (seperti yang ditakrifkan dalam klausa 10) dalam tempoh 12 bulan sebelum Tarikh Yuran Tahunan Kad Kredit Yang Layak dan ia merangkumi jumlah perbelanjaan gabungan kedua-dua Kad Kredit Yang Layak Utama dan Tambahan. Untuk penjelasan, Tarikh Yuran Tahunan merujuk kepada tarikh Yuran Tahunan mula dikenakan, iaitu bersamaan dengan ulang tahun Tarikh Kelulusan Kad.
10. "**Transaksi Layak**" merujuk kepada jumlah keseluruhan perbelanjaan runcit dalam Ringgit Malaysia (RM) (di dalam dan di luar Malaysia) yang dicaj ke Kad Kredit Yang Layak dan tertera pada penyata akaun Kad Kredit Layak masing-masing sepanjang Tempoh Kempen. Transaksi-transaksi berikut dengan jelas **dikecualikan** dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Layak:-
- i) Pindahan Baki, Cashlite, Penukaran Baki, Pelan Pembayaran Flexi atau sebarang bayaran ansuran bulanan di bawah mana-mana kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB Bank;
 - ii) Pembayaran yuran tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, yuran penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj penipuan atau sebarang yuran, caj atau penalti lain sama ada yang dikenakan oleh CIMB Bank atau pihak lain;
 - iii) Transaksi pendahuluan tunai/pengeluaran/deposit tunai;
 - iv) Transaksi JomPAY, FPX, dan/atau Duitnow QR;

- v) Transaksi perbelanjaan runcit yang kemudiannya dibatalkan atau dipulangkan, dipertikaikan, tidak dibenarkan atau merupakan transaksi penipuan;
- vi) Transaksi e-dompet di bawah MCC 6540;
- vii) Transaksi dengan deskripsi peniaga termasuk “FoneApp”, “Kiplepay”, “Lazada Topup”, “Razer”, atau “ShopeePay”; dan/atau
- viii) Transaksi kuasi tunai – (contoh: pertaruhan dan/atau transaksi perjudian)

Mana-mana penentuan oleh CIMB Bank mengenai apa yang dikira sebagai Transaksi Layak adalah muktamad dan tidak boleh dicabar dalam apa-apa cara sekalipun melainkan jika ia ternyata tidak adil atau tidak wajar.

11. Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, mana-mana transaksi yang dibuat menggunakan kad kredit tambahan kepada Kad Kredit Yang Layak akan dianggap sebagai Transaksi Layak dan akan diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan perbelanjaan bulanan.
12. Transaksi Layak yang dilakukan di luar negara akan dikira berdasarkan nilai Ringgit Malaysia (RM) yang setara dengan jumlah transaksi, yang akan ditukar pada kadar pertukaran semasa yang ditetapkan oleh CIMB Bank mengikut budi bicara mutlaknya.
13. Semua Transaksi Layak akan dijejak secara automatik oleh CIMB Bank bagi tujuan memenuhi Keperluan Pengecualian Yuran Tahunan untuk Peserta Yang Layak. Penjejakan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan/atau masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang direkodkan oleh CIMB Bank sepanjang Tempoh Kempen.
14. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan dalam pengeposan Transaksi Layak ke Kad Kredit Yang Layak milik Peserta Yang Layak dan/atau sebarang kesilapan atau ketinggalan dalam pengeposan tersebut atas apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada kelewatan daripada pihak peniaga, melainkan kelewatan atau kesilapan tersebut berpunca daripada kecuaihan dan/atau keingkaran pihak CIMB Bank. CIMB Bank juga tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan dan/atau kesilapan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti Transaksi Layak dan/atau pengeposan Transaksi Layak ke Kad Kredit Yang Layak milik Peserta Yang Layak oleh Visa, premis perniagaan atau mana-mana pihak lain, melainkan kegagalan atau kelewatan tersebut berpunca daripada kecuaihan atau keingkaran sengaja pihak CIMB Bank.

Pemenuhan Pengecualian Yuran Tahunan

15. Peserta Yang Layak yang memenuhi syarat dalam Klausa 8 akan menerima Pengecualian Yuran Tahunan dalam bentuk Pulangan Tunai RM80 (**“Pulangan Tunai”**) yang akan dikreditkan ke akaun Kad Kredit Yang Layak milik Peserta Yang Layak dalam tempoh 12 minggu dari Tarikh Yuran Tahunan bagi Tahun Kempen yang berkaitan (**“Tempoh Pemenuhan”**).

Ilustrasi Kelayakan untuk Pengecualian Yuran Tahunan

Pelanggan	Tarikh Kelulusan Kad	Tarikh Caj Yuran Tahunan	Tempoh Perbelanjaan	Jumlah Perbelanjaan Tahunan	Layak Mendapat Pengecualian Yuran Tahunan
A Baharu-kepada-	1 April 2026	1 April 2026	N/A	N/A	Ya
		1 April	1 April 2026 – 31 Mac	RM2,000	Tidak

<i>Kad dalam Tahun Kempen 2026</i>		2027	2027		
		1 April 2028	1 April 2027 – 31 Mac 2028	RM15,000	Ya
B <i>Baharu-kepada-Kad dalam Tahun Kempen 2027</i>	1 Julai 2027	1 Julai 2027	N/A	N/A	Ya
		1 Julai 2028	1 Julai 2027 – 30 Jun 2028	RM1,500	Tidak
C <i>Baharu-kepada-Kad dalam Tahun Kempen 2028</i>	1 April 2028	1 April 2028	N/A	N/A	Ya
		1 April 2029	1 April 2028 – 31 Mac 2029	RM8,000	Tidak, ini kerana Tarikh Caj Yuran Tahunan pada 1 April 2029 tidak termasuk dalam Tempoh Kempen.
D <i>Sedia-ada-kepada-Kad dalam Tahun Kempen 2026</i>	15 Januari 2025	15 Januari 2026	N/A	N/A	Ya
		15 Januari 2027	15 Januari 2026 – 14 Januari 2027	RM3,000	Tidak
		15 Januari 2028	15 Januari 2027 – 14 Januari 2028	RM8,000	Ya

16. Mana-mana penentuan oleh CIMB Bank berkenaan dengan Pulangan Tunai adalah muktamad dan tidak boleh dicabar oleh Peserta Yang Layak dalam apa jua cara sekalipun, kecuali terdapat kesilapan yang jelas. Pulangan Tunai tidak boleh ditukar dengan hadiah atau ganjaran lain yang bernilai sama atau sebarang alternatif lain dalam apa jua keadaan.
17. Semasa Pemenuhan Pulangan Tunai kepada Peserta Yang Layak, akaun Kad Kredit Yang Layak milik Peserta Yang Layak MESTILAH tidak bermasalah, dan/atau tidak sah atau dibatalkan mengikut takrifan CIMB Bank, jika tidak, Peserta Yang Layak akan terbatal daripada menyertai atau menerima Pulangan Tunai.
18. Peserta Yang Layak yang layak menerima Pulangan Tunai akan dapat melihat jumlah Pulangan Tunai dalam penyata bulanan kad kredit Peserta Yang Layak yang berikut selepas Pulangan Tunai dikreditkan oleh CIMB Bank.
19. CIMB Bank tidak akan melayan sebarang aduan berkaitan dengan Pulangan Tunai dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa jua cara berhubung dengan sebarang kegagalan teknikal atau sebarang bentuk campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui CIMB e

Credit Card kecuali jika perkara tersebut berpunca daripada kecuaiian atau keingkaran sengaja oleh pihak CIMB Bank.

Terma-terma dan Syarat-syarat Umum

20. Peserta Yang Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
- a) dikehendaki membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - c) mengesahkan bahawa terma-terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - d) bersetuju kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mungkin dikongsi oleh Peserta yang Layak kepada CIMB menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta yang Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - (iv) apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
 - (v) apa-apa faktor di luar kawalan munasabah CIMB.
21. Peserta yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau Pulangan Tunai akan dilucutkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Pulangan Tunai:
- a) Peserta yang Layak memungkirkan terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbirkan Kad Layak;
 - b) Kad Layak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau
 - c) Kad Layak adalah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta yang Layak atau CIMB.
22. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang Layak yang ia tentukan telah:
- a) mengganggu penyertaan; dan/atau
 - b) bertindak memungkirkan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
23. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta yang Layak melalui:-
- (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta yang Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.

24. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampungan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:
- a) Penyertaan atau kegagalan penyertaan Peserta yang Layak dalam Kempen; dan/atau
 - b) Sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") atau eDM oleh Peserta yang Layak
- melainkan kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian atau keingkaran sengaja pihak CIMB.
- 25.
- a) CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("Pindaan") dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta yang Layak melalui:
 - (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
 - (iv) melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
 - b) Pindaan ini akan dianggap mengikat Peserta yang Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
 - c) Sekiranya perubahan tersebut diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka perubahan tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta/Pelanggan Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
 - d) Peserta yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB secara berkala untuk melihat terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti sebarang perubahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
26. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta yang Layak untuk sebarang kerugian, kos atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.
27. Peserta yang Layak akan menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan bahawa CIMB ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
- a) penyertaan dalam Kempen; dan/atau
 - b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Pulangan Tunai; dan/atau
 - c) kemungkiran atau kegagalan untuk mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini oleh Peserta yang Layak.

28. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:

- a) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
- b) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Kempen yang akan terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

29. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan kawal selia berkenaan lain di mana CIMB tertakluk.

30. Sekiranya CIMB tidak menjalani hak yang dimilikinya di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ia tidak akan menghalang CIMB daripada menjalani hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa hadapan.

31. a) Peserta yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("CRU") bagi sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, dan e-mel:

Alamat: CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Unit Resolusi Pelanggan (CRU),
Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan

No Telefon: +603 - 6204 7788

E-mel: contactus@cimb.com

b) CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta yang Layak melalui pengumuman di laman sesawang CIMB atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

32. Laman sesawang CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman sesawang lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan Layak terkluk pada Pautan Pihak Ketiga, Pelanggan Layak memahami bahawa mereka telah mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko mereka sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Peserta yang Layak.